

LAWATAN KERJA YB MENTERI PERTAHANAN MALAYSIA KE TAPAK CADANGAN HOSPITAL VETERAN BERSAMA WARGA ATM

airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/2979-lawatan-kerja-yb-menteri-pertahanan-malaysia-ke-tapak-cadangan-hospital-veteran-bersama-warga-atm

IPOH, 2 Feb 18 – Panglima Tentera Udara, YBhg Jen Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi bin Buang TUDM telah menghadiri Lawatan Kerja Menteri Pertahanan Malaysia, YB Datuk Seri Hishamuddin Hussein ke Tapak Cadangan Hospital Veteran bersama Warga ATM di Kem 23 RAMD, Tambun, Ipoh.



Lawatan kerja ini dimulakan dengan taklimat kepada Menteri Pertahanan Malaysia bersama Pegawai-pegawai Tertinggi ATM di Bilik Gerakan 23 RAMD. Beliau kemudiannya dibawa meninjau kawasan tapak Cadangan Hospital yang terletak berhampiran Wisma Perwira 23 RAMD seterusnya beramah mesra bersama Veteran ATM.



Cadangan Hospital Veteran ini bertujuan memberikan perkhidmatan kesihatan kepada Veteran ATM yang memerlukan rawatan berterusan selaras dengan Teras Kebajikan yang diperkenalkan Kementerian Pertahanan. Komitmen ini akan dizahirkan melalui dasar Pelan Transformasi Perkhidmatan Kesihatan ATM 2017-2050 yang telah dirancang dan sedang giat dilaksanakan.



Turut hadir di majlis ini adalah Menteri Besar Perak, Pegawai-pegawai Kanan ATM serta anggota lain-lain pangkat daripada ketiga-tiga perkhidmatan.





